BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 02/04/36 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 25 Februari 2004**

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Januari 2004

Penunjuk monetari dan kewangan yang positif mencerminkan pembiayaan sektor swasta yang kekal kukuh

Mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan berserta kadar faedah yang rendah dan stabil menyokong peningkatan dalam pembiayaan sektor swasta pada bulan Januari. Pengeluaran pinjaman, termasuk kepada perusahaan kecil dan sederhana, terus meningkat pada bulan ini. Edaran mata wang adalah lebih besar berikutan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi sempena musim perayaan. Meskipun pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat monetari menyederhana sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas pertumbuhan yang tinggi berikutan pengembangan yang besar dalam operasi Kerajaan pada bulan Januari 2003, asas arah aliran dalam agregat monetari kekal konsisten dengan peningkatan output serta inflasi yang rendah.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 02/04/36 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 25 Februari 2004**


PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JANUARI 2004

Penunjuk monetari dan kewangan yang positif mencerminkan pembiayaan sektor swasta yang kekal kukuh


Mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan berserta kadar faedah yang rendah dan stabil menyokong peningkatan dalam pembiayaan sektor swasta pada bulan Januari. Pengeluaran pinjaman, termasuk kepada perusahaan kecil dan sederhana, terus meningkat pada bulan ini. Edaran mata wang adalah lebih besar berikutan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi sempena musim perayaan. Operasi luar negara dan Kerajaan yang mengembang menyumbang kepada kenaikan dalam agregat monetari secara luas, M3. Walaupun pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat monetari menyederhana sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas pertumbuhan yang tinggi berikutan pengembangan yang besar dalam operasi Kerajaan pada bulan Januari 2003, asas arah aliran dalam agregat monetari kekal konsisten dengan peningkatan output serta inflasi yang rendah.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil


Pada bulan ini, Bank Negara Malaysia mengurus dengan aktif mudah tunai yang bertambah bagi memastikan keadaan pasaran wang yang stabil berikutan peningkatan dalam aliran masuk dana jangka pendek. Kesannya, kadar pasaran wang antara bank kekal stabil.



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil




Operasi mudah tunai BNM menstabilkan kesan mudah tunai berikutan kemasukan dana dari luar negara




Nisbah pembiayaan deposit kekal tinggi pada kadar 91.3%.

Dalam pasaran runcit, kadar purata pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan secara relatifnya kekal stabil pada 6.12% (akhir tahun 2003: 6.11%). ALR bagi syarikat kewangan terus menurun (9.06%, akhir tahun 2003: 9.11%).




ALR bank perdagangan secara relatifnya kekal stabil sementara ALR syarikat kewangan terus menurun

Sehingga 15 Februari 2004, kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil antara 3-3.7%.




	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Dis 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Jan 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan tidak berubah ...



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Dis 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68
Jan 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
15 Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70


... begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan meningkat disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah pada bulan Januari


Prestasi Ringgit

Pada bulan Januari, ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menyusut berbanding paun sterling (-1.9%) dan yen Jepun (-0.9%). Berbanding euro, nilai ringgit meningkat sebanyak 1.3% disebabkan dolar bertukar arah dan meningkat berbanding euro. Meskipun euro meningkat ke paras yang tertinggi dalam sejarah iaitu $1.2844 berbanding dolar AS pada pertengahan bulan Januari, ia merosot menjelang akhir bulan. Sementara itu, sektor luar negeri yang kukuh dan prospek pertumbuhan yang bertambah baik menyokong pengukuhan yen Jepun. Paun sterling semakin kukuh berikutan jangkaan kenaikan dalam kadar faedah serta disokong oleh pertumbuhan KDNK suku keempat di United Kingdom yang lebih baik daripada jangkaan.



Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama pada bulan Januari

Pada bulan Januari, prestasi ringgit juga bercampur-campur berbanding kebanyakan mata wang serantau. Nilai ringgit meningkat berbanding peso Filipina (+0.9%) dan dolar Singapura (+0.1%) tetapi menyusut berbanding won Korea (-1.5%) dan baht Thai (-0.8%). Nilai Peso Filipina menyusut disebabkan terutamanya oleh penurunan gred dalam penarafan hutang oleh Moody's yang mengambil kira prospek politik di negara itu. Won Korea dan baht Thai terus meningkat nilai berikutan aliran masuk asing yang besar ke dalam pasaran ekuiti. Keadaan ini menyebabkan Korea melaksanakan kawalan ke atas kontrak hadapan yang tidak diserah ('non-deliverable forward contracts') pada pertengahan bulan Januari bagi mengekang spekulasi ke atas won.



Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Pada tempoh 1-24 Februari 2004, prestasi ringgit terus bercampur-campur berbanding mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Nilai ringgit menyusut berbanding paun sterling (-2.5%) dan euro (-1%) tetapi meningkat berbanding yen Jepun (+2.5%). Dolar AS menyusut nilai pada awal bulan Februari kerana tiada ketetapan bersama mengenai kadar pertukaran pada mesyuarat G-7

yang berlangsung pada 6-7 Februari. Dolar AS juga terjejas, disebabkan antaranya, oleh pertambahan defisit yang tidak dijangka dalam dagangan Amerika Syarikat. Nilai paun sterling bertambah kukuh disebabkan oleh perbezaan kadar faedah yang semakin melebar antara Amerika Syarikat dan United Kingdom, berikutan Bank of England menaikkan kadar repo sebanyak 25 mata asas kepada 4%.


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Dis 03	24 Feb 04	Jan 04	Akhir Dis 03 - 24 Feb 04	Akhir Dis 02 - 24 Feb 04	02 Sep 98 - 24 Feb 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.7783	4.7608	1.3	-1.0	0.4	-
Paun sterling	6.3708	6.7678	7.0792	-1.9	-2.5	-4.4	-10.0
100 yen Jepun	2.7742	3.5546	3.4973	-0.9	2.5	1.6	-20.7
Dolar Singapura	2.1998	2.2342	2.2399	0.1	-0.3	-0.3	-1.8
100 baht Thai	9.3713	9.5947	9.6815	-0.8	-0.1	-0.9	-3.2
100 peso Filipina	8.8302	6.8431	6.7580	0.9	0.4	1.3	30.7
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0449	0.0449	-0.3	0.1	-0.1	-21.2
100 won Korea	0.2827	0.3180	0.3228	-1.5	0.0	-1.5	-12.4

Inflasi kekal rendah

Kadar tahunan inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHK, 2000=100), menurun sedikit kepada 1% pada bulan Januari (Disember 2003: 1.2%). Ini disebabkan oleh kenaikan yang lebih rendah dalam harga makanan yang dibawa ke rumah serta penurunan dalam harga buah-buahan dan sayur-sayuran.


Indeks Harga Pengguna



Inflasi menurun sedikit kepada 1%

Harga pengeluar meningkat pada kadar yang perlahan


Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100), meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 3.8% pada bulan Disember (November: 6.3%) mencerminkan terutamanya penurunan dalam harga getah dan petroleum mentah. Tidak termasuk produk yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.6%.



Harga pengeluar meningkat pada kadar yang rendah

Bekalan wang meningkat

Sejajar dengan perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi sempena musim perayaan pada bulan Januari, wang secara kecil, M1, terus meningkat, mencerminkan terutamanya kenaikan mata wang dalam edaran sebanyak RM2.9 bilion. Pada bulan ini, aliran masuk dana dengan jumlah yang besar serta pengeluaran deposit oleh Kerajaan daripada BNM menyumbang kepada kenaikan dalam wang secara luas, M3. Mengikut asas tahunan, kadar pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari menyederhana, sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas pertumbuhan yang tinggi pada bulan Januari 2003 berikutan pengembangan operasi Kerajaan yang besar. Pada akhir bulan Januari, M1, M2 dan M3 meningkat masing-masing kepada 11.3%, 10.5% dan 8.9% (akhir Disember 2003: 14.6%, 11.1% dan 9.7%).



Kadar pertumbuhan tahunan ketiga-tiga agregat monetari menyederhana tetapi kekal pada tahap yang tinggi ...

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 03	**Nov 03**	**Dis 03**	**Jan 04**
M3	5.3	7.6	1.3	5.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.2	3.2	4.1	1.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.0	2.7	-0.2	-0.7
Operasi luar bersih [1]	10.8	1.9	-1.8	12.5
Pengaruh lain	-7.7	-0.1	-0.8	-8.5

1/ Sebelum penilaian semula

Deposit individu dengan sistem perbankan meningkat

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat pada asas bulanan sebanyak RM199 juta pada bulan Januari, mencerminkan terutamanya simpanan deposit yang lebih tinggi oleh individu berikutan peningkatan pendapatan hasil daripada bayaran bonus serta dividen akhir tahun yang diterima pada bulan Januari. Mengikut asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 9.1% pada akhir bulan Januari (9.8% pada akhir bulan Disember 2003).

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 03	**Nov 03**	**Dis 03**	**Jan 04**
Kerajaan Persekutuan	103	1,031	-759	-534
Kerajaan Negeri	-137	-254	217	-254
Badan Berkanun [1]	674	-269	932	-1,026
Institusi Kewangan	367	-190	889	-701
Perusahaan Perniagaan	3,149	4,220	-1,304	-868
Individu	2,098	1,536	2,850	4,086
Lain-lain [2]	667	-411	1,004	-505
Jumlah	6,920	5,664	3,830	199

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit daripada individu meningkat dengan nyata pada bulan Januari apabila dana deposit berpindah daripada institusi kepada individu...

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)


	Perubahan pada tempoh			
	Okt 03	**Nov 03**	**Dis 03**	**Jan 04**
Deposit tetap	1,305	-952	-2,750	2,486
NID	968	395	798	-1,200
Deposit permintaan	2,293	1,002	3,008	-1,559
Deposit tabungan	404	428	1,101	1,604
Perjanjian beli balik (Repo)	1,614	2,773	-335	524
Deposit mata wang asing	-461	36	1,152	-968
Deposit SPI	702	1,996	194	-483
Lain-lain	96	-14	660	-205
Jumlah	6,920	5,664	3,830	199

... terutamanya dalam deposit tetap dan tabungan

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh

Pada bulan Januari, pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti dan bon berjumlah RM40.4 bilion. Sementara itu, pembiayaan bersih yang disalur oleh sistem perbankan melalui pemberian pinjaman serta penerbitan sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM1.9 bilion (RM0.9 bilion pada bulan Disember 2003). Nisbah pembiayaan-deposit sistem perbankan kekal tinggi pada 91.3% pada akhir bulan Januari (91.4% pada akhir bulan Disember).


Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal




Pembiayaan kasar sektor swasta kekal kukuh...

Pada bulan ini, pengeluaran pinjaman berjumlah RM39.5 bilion, melebihi purata bulanan tahun 2003 sebanyak RM36.8 bilion. Mengikut asas tahunan, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.6% (4.8% pada akhir tahun 2003). Pinjaman kepada sektor perniagaan (69%) disalurkan terutamanya kepada sektor pembuatan (35% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan),

perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel (22%) dan perkhidmatan kewangan, insurans serta perniagaan (13.1%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah kekal tinggi pada paras RM10.3 bilion (RM10.3 bilion pada bulan Disember 2003). Ini mencerminkan pinjaman yang berterusan untuk pembelian harta kediaman (32% daripada pengeluaran kepada sektor isi rumah), kad kredit (29%) dan pembelian kereta penumpang (18%).




Pengeluaran pinjaman kekal tinggi ...




... dan disalurkan kepada pelbagai sektor

Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS juga kekal tinggi pada paras RM8.4 bilion (RM9.2 bilion pada bulan Disember 2003; purata bulanan sebanyak RM7.3 bilion pada tahun 2003). Sejumlah RM1.4 bilion diluluskan kepada 5,235 akaun PKS pada bulan tersebut. Pembayaran balik yang lebih tinggi menyebabkan pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.5% (10% pada akhir tahun 2003). Pinjaman kepada PKS terus mencakupi bahagian pinjaman perniagaan yang besar, iaitu 38.3% daripada pinjaman perniagaan terkumpul dan 17.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir bulan Januari.




Pengeluaran pinjaman kepada IKS kekal tinggi



Jumlah pinjaman terkumpul IKS menyederhana disebabkan oleh pembayaran balik yang tinggi


Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat

Pada bulan Januari, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat kepada RM1.8 bilion. Daripada jumlah ini, RM1 bilion diperoleh melalui penerbitan bon Cagamas. Dana kasar sebanyak RM465 juta yang diperoleh melalui tiga terbitan bon korporat adalah untuk pembiayaan semula dan pengambilalihan korporat. Dalam pasaran ekuiti, sebanyak RM506 juta telah diperoleh, termasuk RM90 juta melalui lima tawaran awam awal.



Dana bersih yang diperoleh meningkat pada bulan Januari

Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meningkat pada bulan Januari. Walaupun tahun 2004 bermula dengan aktiviti jualan yang sederhana, sentimen bertukar menjadi lebih baik pada minggu kedua bulan Januari berikutan pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru di samping beberapa rombakan dalam Kabinet. IK BSKL menurun sedikit pada minggu ketiga bulan Januari akibat aktiviti pengambilan untung oleh para pelabur sempena perayaan Tahun Baru Cina. Pada akhir bulan Januari, IK BSKL ditutup pada paras 818.94 mata (+3.1% sejak akhir bulan Disember). Modal pasaran adalah lebih tinggi sebanyak RM664.26 bilion (+3.7% sejak akhir bulan Disember) dan purata urus niaga harian pada bulan ini lebih tinggi sebanyak 570.4 juta unit.




IK BSKL meningkat sebanyak 10.2% pada tempoh 1 Januari – 24 Februari 2004

Pada tiga minggu pertama bulan Februari, IK BSKL terus meningkat dengan meningkatnya minat pelabur tempatan dan luar negara serta prestasi korporat yang lebih baik daripada yang dijangkakan. Pada 24 Februari 2004, IK BSKL ditutup pada paras 874.82 mata (+6.8% sejak akhir bulan Januari). Modal pasaran berada pada

paras yang lebih tinggi sebanyak RM709.4 bilion (+8.6% sejak akhir bulan Januari) dan purata urus niaga dalam tempoh ini juga lebih tinggi sebanyak 696.9 juta unit.

Rizab antarabangsa meningkat lagi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM10.7 bilion atau AS$2.8 bilion pada bulan Januari kepada RM181.4 bilion atau AS$47.7 bilion pada 31 Januari 2004. Rizab terus meningkat kepada RM183.9 bilion atau AS$48.4 bilion pada 14 Februari 2004. Peningkatan rizab pada separuh pertama bulan Februari disokong oleh penghantaran pulang perolehan eksport yang lebih tinggi, dan aliran masuk dana portfolio. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta pembayaran balik hutang luar negara oleh sektor swasta. Paras rizab adalah cukup untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan adalah 5.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Rizab meningkat lagi disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk dana


Tahap permodalan sistem perbankan mengukuh ke paras yang paling tinggi

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan terus kukuh masing-masing kepada 13.8% dan 11.1%, tahap yang tertinggi semenjak krisis kewangan Asia. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kemasukan keuntungan yang telah diaudit ke dalam modal asas berikutan usaha meningkatkan modal oleh dua institusi perbankan bagi mengukuhkan kedudukan modal mereka. Sementara itu, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan menurun kepada 6.8% sementara nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan kekal stabil pada 9% pada akhir Januari 2004.


Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		2004
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Nov.	Dis.	Jan.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.8	10.7	11.1
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.4	13.4	13.8
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.9	6.8
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	30,710	30,862	30,894
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.9	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi-institusi perbankan Islam*



.... RWCR meningkat kepada 13.8%



....Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) menurun sedikit kepada 6.8%

Bank Negara Malaysia
25 Februari 2004

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	November 2003		Disember 2003		Januari 2004	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari						
Wang rizab	47.7	9.5	45.5	6.9	49.7	3.8
M1	99.7	13.3	102.1	14.6	103.6	11.3
M2	423.5	10.8	426.0	11.1	430.2	10.5
M3	548.4	10.0	549.5	9.7	554.8	8.9
Sistem Perbankan						
Jumlah deposit	550.0	9.7	553.8	9.8	554.0	9.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)	475.4	4.8	474.0	4.8	475.6	4.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)	81.7		80.9		81.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)	92.2		91.4		91.3	
Pinjaman yg dipohon pada tempoh berkenaan	17.3	3.1	19.0	22.9	17.2	-19.8
Pinjaman yg diluluskan pada tempoh berkenaan	11.3	11.1	14.2	38.2	9.7	-25.7
Pinjaman yg dikeluarkan pada tempoh berkenaan	35.7	6.4	43.4	20.6	39.5	3.8
Pinjaman yang dibayar pada tempoh berkenaan	35.8	8.7	45.7	27.2	38.7	4.3
Keadaan Sistem Perbankan						
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.4		13.4		13.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.8		6.9		6.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)						
Rizab dalam RM (bilion)	167.0		170.6		181.4	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	44.0		44.9		47.7	
Bilangan bulan import tertangguh	7.0		7.1		7.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]						
Antrabank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.87[2.87]		2.87[2.94]		2.89[2.87]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.7	1.1	105.0	1.2	105.0	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	143.1	6.3	143.2	3.8		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)						
Euro	4.5290		4.7783		4.7152	
Paun Sterling	6.5138		6.7678		6.9018	
Dolar Singapura	2.2016		2.2342		2.2323	
100 Yen Jepun	3.4717		3.5546		3.5861	
100 Baht Thai	9.5190		9.5947		9.6729	
100 Peso Filipina	6.8192		6.8431		6.7827	
100 Rupiah Indonesia	0.0447		0.0449		0.0450	
100 Won Korea	0.3157		0.3180		0.3227	
Pasaran Modal						
Dana bersih yang diperoleh:						
sektor awam (RM b)	2.8		-0.2		...	
sektor swasta (RM billion)	1.7		1.1		1.8	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	779.28		793.94		818.94	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	629.19		640.52		664.26	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.